



PERASMIAN SAMBUTAN HARI TANDAS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020



Pada 19 November 2020, YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewakili YB Menteri KPKT, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin bagi merasmikan Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 yang berlangsung secara maya melalui laman rasmi *Facebook* KPKT dari Dewan Kristal, KPKT. Majlis ini turut disaksikan oleh YBhg. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta barisan Pengurusan Tertinggi KPKT.

Tujuan sambutan ini adalah sebagai tanda peringatan kepentingan kebersihan tandas di dalam hidup manusia, di samping menanam semangat cintakan tandas dalam kalangan rakyat Malaysia, sekaligus meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya menjaga kebersihan tandas. Ini secara tidak langsung meningkatkan imej kebersihan tandas awam di Malaysia. Sambutan pada kali ini adalah bertemakan “**Komuniti Prihatin, Tandas Bersih**”.



Penggunaan tandas tidak lari dari risiko jangkitan COVID-19 kerana jangkitan penyakit boleh berlaku di mana-mana tempat awam dan kawasan-kawasan yang tidak bersih. Sebelum masuk ke tandas, semua pengguna tandas awam perlu mengamalkan

etika penggunaan tandas mengikut norma baharu seperti memakai pelitup muka, membuat pemeriksaan suhu badan dan melengkapkan maklumat diri menggunakan aplikasi MySejahtera dan menggunakan *hand sanitizer* sebelum memasuki tandas awam. Semasa berada dalam tandas, pengguna perlu menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, tidak dibenarkan meludah ke dalam sinki, cuci tangan dengan sabun dan membuang sampah atau tisu ke dalam tong sampah yang disediakan.

Sambutan Hari Tandas Kebangsaan turut dimeriahkan dengan pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan di mana sejumlah 12 kategori tandas awam dipertandingkan, termasuk Tandas Awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bandaraya / Perbandaran, PBT Daerah, Pejabat Kerajaan, Stesen Minyak, Hentian Awam, Kawasan Pelancongan, Kedai Makan / Restoran, Rumah Ibadat, Pusat Beli Belah, IPTA / IPTS, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Pertandingan ini melibatkan kerjasama beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkepentingan dalam penjagaan tandas seperti Persatuan Pegawai Kesihatan Persekitaran Malaysia (EHOM), Persatuan Bilik Air Berkualiti Malaysia (QRAM) dan Persatuan Kesihatan Environment Malaysia (MAEH). Tujuan penganjuran pertandingan ini adalah sebagai usaha mempromosikan budaya penjagaan tandas yang bersih, selamat dan selesa di Malaysia selari dengan aspirasi Sambutan Hari Tandas Sedunia Peringkat kebangsaan yang bermula sejak tahun 2010.

**SENARAI PEMENANG BAGI PERTANDINGAN PENGIKTIRAFAN TANDAS
AWAM BERSIH PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2019**

1. KATEGORI : PBT (BANDARAYA / PERBANDARAN)

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS AWAM TERMINAL BAS MPT, TEMERLOH, PAHANG
KEDUA	TANDAS AWAM 1, PRESINT 10, PUTRAJAYA
KETIGA	TANDAS AWAM TAMAN ORKID, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

2. KATEGORI : PBT (DAERAH)

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS AWAM SLIM RIVER, TANJONG MALIM, PERAK
KEDUA	TANDAS AWAM TAMAN TASIK, KOTA TINGGI, JOHOR
KETIGA	TANDAS AWAM PERHENTIAN REHAT GEMENCHEH, TAMPIN, NEGERI SEMBILAN

3. KATEGORI : PEJABAT KERAJAAN

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS ARAS 2, MAJLIS PERBANDARAN SEPANG, SEPANG, SELANGOR
KEDUA	TANDAS BILIK BERSEDIA ANGGOTA, BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT, INDERMA MAHKOTA, KUANTAN, PAHANG
KETIGA	TANDAS GURU, SMK AGAMA MIRI, MIRI, SARAWAK

4. KATEGORI : KAWASAN PELANCONGAN

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS AWAM RANTAU ABANG, DUNGUN, TERENGGANU
KEDUA	TANDAS TOURIST CENTRE, RAWA SAFARI'S ISLAND RESORT, MERSING, JOHOR
KETIGA	TANDAS THE OLD COURT HOUSE, KUCHING, SARAWAK

5. KATEGORI : RUMAH IBADAT

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	MASJID SULTAN ABU BAKAR, JOHOR BHARU, JOHOR
KEDUA	MASJID AR-RAHMAN, KG PULAU GAJAH, KOTA BHARU, KELANTAN
KETIGA	MASJID AL-BADR SERIBU SELAWAT, PULAU PANGKOR, PERAK

6. KATEGORI : HENTIAN AWAM

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS AWAM BANGUNAN SATELIT, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, KLIA2, SEPANG, SELANGOR
KEDUA	TANDAS HENTIAN SEBELAH SENAWANG (ARAH UTARA), SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
KETIGA	TANDAS AWAM STESEN BAS SERI MANJUNG, MANJUNG, PERAK

7. KATEGORI : IPTA / IPTS

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR), UiTM CAWANGAN MELAKA KAMPUS JASIN, MELAKA
KEDUA	TANDAS AWAM ANJUNG TAMU, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, KEDAH
KETIGA	TANDAS PENTADBIRAN POLITEKNIK MERSING, JOHOR

8. KATEGORI : PUSAT BELI BELAH

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	AEON MALL BANDAR DATO' ONN, JOHOR BAHRU, JOHOR
KEDUA	mitsui OUTLET PARK KLIA, SEPANG, SELANGOR
KETIGA	PUSAT BELI BELAH MYTOWN, JALAN COCHRANE, KUALA LUMPUR

9. KATEGORI : KEDAI MAKAN / RESTORAN

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	RESTORAN PEKIN KK SDN BHD, ULU TIRAM, JOHOR
KEDUA	PELITA SAMUDRA (M) SDN.BHD, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR
KETIGA	PIRINGMU, TAMAN BUKIT INDAH, JOHOR

10. KATEGORI : STESEN MINYAK

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	TANDAS PETRON SENAWANG 2, JALAN SENAWANG, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
KEDUA	TANDAS SHELL PRESINT 18, PUTRAJAYA
KETIGA	TANDAS PETRONAS, JALAN BUBUL, SEMPORNA, SABAH

11. KATEGORI : SEKOLAH MENENGAH

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	SMK TUNG HUA, SIBU, SARAWAK
KEDUA	SMKA NAIM LILBANAT, KOTA BHARU, KELANTAN
KETIGA	SMK RAJA PEREMPUAN, IPOH, PERAK

12. KATEGORI : SEKOLAH RENDAH

TEMPAT	NAMA BANGUNAN/PREMIS
PERTAMA	SK BANDAR UDA 2, BANDAR BARU UDA, JOHOR
KEDUA	SK ST. FRANCIS XAVIER (M), KANOWIT, SARAWAK
KETIGA	SK MERU RAYA, IPOH, PERAK

13. KATEGORI : PENGIKTIRAFAN KHAS

NAMA BANGUNAN/PREMIS
SK STALON, DARO, SARAWAK



Sumber: Unit Komunikasi Korporat